

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|--------------------------------------------------------------------|-------------|
| 1 | Malaysia kekurangan penyelidik, Saintis dan jurutera - MOSTI | Bernama.com |
| 2 | SKMM, Pengakap jalin kerjasama perluas program 'Klik dengan bijak' | Bernama.com |

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**

TARIKH: 8 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)



Malaysia Kekurangan Penyelidik, Saintis Dan Jurutera - Mosti

KUALA LANGAT, 7 Nov (Bernama) -- Malaysia masih kekurangan penyelidik, saintis dan jurutera apabila nisbah 58.2 saintis untuk 10,000 tenaga kerja yang direkodkan setakat ini masih belum mencukupi untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Rosli Mohamed berkata nisbah itu masih rendah jika dibanding dengan negara maju lain.

Sehubungan itu, katanya Mosti sedang melaksana pelbagai program antaranya pembangunan bakat secara berterusan selain mencari platform terbaik mengkomersialkan hasil penyelidikan sedia ada.

Beliau berkata kerajaan menyasarkan nisbah 70 saintis untuk 10,000 tenaga kerja menjelang 2020 dan Mosti sentiasa bergerak secara proaktif untuk mencapai sasaran itu dengan mencungkil bakat-bakat baharu menerusi program yang dijalankannya atau agensi di bawahnya.

"Malaysia dilihat berpotensi cerah mencapai sasaran itu jika pengkomersialan hasil penyelidikan sedia ada atau yang akan dijana dapat ditingkatkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Penyelidikan Angkasa Negara 2013 di Pusat Angkasa Negara di sini Khamis.

Dr Rosli berkata ia akan menyumbang kepada pertambahan nisbah saintis negara, namun Mosti memerlukan kerjasama erat daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta untuk mencapainya.

Menurutnya Mosti akan memberi tumpuan lebih serius untuk meningkatkan lagi kadar pengkomersialan hasil-hasil penyelidikan pada masa depan dengan meneliti dan memperkemas ekosistem penyelidikan secara keseluruhan supaya hasilnya mencapai standard antarabangsa.

Peruntukan yang disalurkan kerajaan dalam Bajet 2014 dilihat mampu membangunkan bidang sains dan teknologi negara tetapi ia akan diperincikan untuk diguna dalam pembangunan penyelidikan bidang itu, katanya.

Pada majlis itu, Dr Rosli turut menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi penyelidikan dan inovasi sains untuk kategori sekolah rendah, menengah dan universiti tempatan anjuran Agensi Angkasa Negara, yang bertujuan memupuk minat masyarakat dalam bidang sains.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)



SKMM, Pengakap Jalin Kerjasama Perluas Program 'Klik Dengan Bijak'

MELAKA, 7 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalin kerjasama lebih erat dengan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) dalam memperluas program 'Klik Dengan Bijak' khususnya terhadap generasi Y.

Pengerusinya Datuk Sharil Tarmizi berkata pengakap dilihat mampu menjadi medium penyampaian maklumat khususnya kepada golongan remaja mengenai penggunaan Internet secara berhemah.

"Peranan pengakap amat penting dalam meningkatkan tahap kefahaman terutamanya anak muda kerana golongan ini berhubung sesama sendiri dan mereka akan lebih faham apa yang kawan mereka beritahu seterusnya membuat pilihan yang baik apabila menggunakan Internet," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup Perkhemahan Klik dengan Bijak yang dirasmikan Exco Hal Ehwal Syarikat, Sumber Manusia dan NGO Melaka Datuk M S Mahadevan, di Bukit Katil di sini.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Malaysia Datuk Dr Mohamed Shahrul Osman bersama kira-kira 880 anggota pengakap dari seluruh negara yang mengikuti perkhemahan selama lima hari bermula 3 Nov lepas.

Justeru, katanya program perkhemahan anjuran bersama SKMM dan PPM itu akan diadakan secara berterusan pada masa akan datang.

Sementara itu, Sharil berkata SKMM turut bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Pendidikan; Kementerian Belia dan Sukan; **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**; Polis Diraja Malaysia dan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (CMCF) bagi menjayakan kempen 'Klik Dengan Bijak' itu.

Beliau berkata penglibatan setiap agensi dan jabatan adalah penting agar mesej yang ingin disampaikan dapat disebar luas kepada semua pihak yang menggunakan Internet.

Program Klik dengan Bijak bertujuan membudayakan penggunaan Internet secara positif berteraskan tiga aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia kendiri dalam membendung masalah penyalahgunaan Internet.

-- BERNAMA